KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA
KKDW JULUNG KALI ANJUR SAMBUTAN HARI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SEDUNIA, PERKASA TRANSFORMASI LUAR BANDAR NEGARA

YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, hari ini telah menyempurnakan Sambutan Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia (HPLBS) 2026 yang berlangsung di Stadium Tun Abdul Razak, Bandar Pusat Jengka, Pahang.

Bertemakan "Ke Arah Komuniti Luar Bandar yang Dinamik, Makmur dan Bahagia", sambutan tahun ini menjadi platform menghimpunkan pelbagai inisiatif strategik kerajaan dalam memperkukuh pembangunan luar bandar melalui pendekatan yang lebih inklusif, mampan dan berimpak tinggi.

Selaras dengan aspirasi tersebut, **sambutan buat kali pertama ini** memberi penekanan kepada tiga teras utama iaitu, **Inovasi Komuniti, Pendigitalan Desa dan Sosioekonomi Desa** sebagai pemacu kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat serta pertumbuhan ekonomi luar bandar.

Dalam majlis ini turut diadakan penyampaian **Anugerah Aspirasi Desa MADANI (ADM) Tahun 2025** sebagai pengiktirafan tertinggi kepada kampung-kampung yang cemerlang dalam aspek tadbir urus, kepimpinan dan pembangunan komuniti. Seramai 14 johan kampung peringkat negeri, melibatkan 13 kampung tradisional dan rumah panjang serta sebuah Kampung Orang Asli, telah dinilai di peringkat kebangsaan bagi mengiktiraf amalan terbaik yang boleh dicontohi dalam memperkasa komuniti luar bandar.

Dalam usaha memperkukuh budaya penggubalan dasar berasaskan bukti (*evidence-based policymaking*), Institut Kemajuan Desa (INFRA) turut melancarkan *My Rural Insights* (MRI) yang dibangunkan melalui THINKTANK@KKDW sebagai platform pengurusan ilmu kementerian. **Berteraskan konsep "Satu Sumber, Pelbagai Impak", MRI menghimpunkan hasil penyelidikan dan analisis dasar bagi menyokong pembangunan luar bandar yang lebih mampan dan berimpak tinggi**.

Pada majlis yang sama, YAB Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan **Agihan Keuntungan Boleh Agih Interim 1/2026 FELCRA Berhad berjumlah RM126.91 juta, meningkat 7.67 peratus berbanding tahun sebelumnya.** Peningkatan ini disokong oleh pertambahan bilangan projek yang mencatatkan keuntungan daripada 684 projek kepada 747 projek, sekali gus membuktikan keberkesanan usaha memperkukuh produktiviti dan meningkatkan pulangan kepada peserta FELCRA.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my

KKDW turut meneruskan komitmen memperkukuh jaringan infrastruktur luar bandar menerusi pelaksanaan projek penaiktarafan Jalan Luar Bandar sepanjang 17.3 kilometer di Jengka yang **memberi manfaat kepada kira-kira 5,100 penduduk, termasuk 48 keluarga Orang Asli**, selain projek Jalan Perhubungan Desa yang meningkatkan akses dan keselamatan penduduk setempat. **Kedua-dua projek tersebut melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM135.35 juta**.

Penganjuran Sambutan Hari Pembangunan Luar Bandar Sedunia 2026 membuktikan komitmen berterusan KKDW dalam pemerkasaan pembangunan luar bandar secara holistik melalui pembangunan komuniti, pengukuhan ekonomi, penyediaan infrastruktur, pendigitalan serta penghasilan dasar yang berpaksikan penyelidikan dan data.

KKDW akan terus memperkukuh kerjasama strategik bersama agensi, kerajaan negeri, sektor swasta dan komuniti bagi memastikan agenda pembangunan luar bandar terus diperkasa demi melahirkan komuniti yang lebih dinamik, makmur dan bahagia selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
6 JULAI 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT I KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
Tel: 03-8891 5945 E-mel: corpcomm@rurallink.gov.my